



SHE 101 HUBUNGAN ETNIK

PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

TAJUK: Faktor Berlakunya Perpecahan Antara Kepelbagaian Etnik Serta Langkah Menyatukan Perpaduan Antara Pelbagai Etnik dalam Konteks Politik, Ekonomi dan Sosial.

KUMPULAN: 2

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NOMBOR MATRIK
Lam Siew Ing	148471
Nur Athirah binti Abdullah Sani	145855
Phoebe Ng Li Jieh	149116
Nur Azeen binti Rusalam	146008
Tiang Ling Ling	146054

NAMA PENSYARAH:

DR RABIATUL ADAWIAH BINTI AHMAD RASHID

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka surat
1.0 Pengenalan	4-5
2.0 Faktor berlakunya perpecahan antara kepelbagaian etnik	
2.1 Faktor politik	
2.1.1 Sikap ahli politik	6-7
2.1.2 Politik perkauman	7-9
2.2 Faktor ekonomi	
2.2.1 Dominasi sektor ekonomi menyebabkan ketidakseimbangan pendapatan	9-10
2.2.2 Perbezaan pekerjaan	10-11
2.3 Faktor sosial	
2.3.1 Sistem persekolahan yang berasingan	11-14
2.3.2 Perbezaan dalam unsur kebudayaan	14-16
3.0 Langkah menyatukan perpaduan antara pelbagai etnik	

3.1 Politik	17-19
3.2 Ekonomi	19-20
3.3 Sosial	20-22
4.0 Penutup	22-23
5.0 Rujukan	23-25
6.0 Lampiran-Print screen tugas esei MOOC	26-34

1.0 PENGENALAN

Kepelbagaian etnik di Malaysia merupakan suatu keunikan dan keistimewaan yang amat membanggakan. Bertitik tolak dengan kenyataan tersebut, rakyat Malaysia terdiri daripada tiga kumpulan etnik yang utama iaitu Melayu, Cina dan India, diikuti dengan kaum-kaum lain seperti bumiputera di Sabah dan Sarawak. Mereka mempunyai kebudayaan, adat resam, agama, perayaan, pakaian, makanan dan cara hidup yang berbagai-bagai. Oleh sebab itu, keupayaan pemimpin-pemimpin yang berwibawa dalam mewujudkan hubungan etnik yang positif menjadikan Malaysia sebuah negara yang disanjung tinggi dan dicontohi oleh negara lain di persada dunia ini. Buktinya, bersumber pada jurnal yang bertajuk “Perpaduan Politik Asas Integrasi Nasional di Malaysia”, negara kita telah dikatakan sebagai model kepada masyarakat majmuk yang lain dan diperakukan sendiri oleh Barack Obama, mantan Presiden Amerika dan Hillary Clinton di Kuala Lumpur telah mengisytiharkan Malaysia sebagai model negara Islam moderat yang progresif dan maju. Pada masa yang sama, menurut Global Peace Index (2012), berdasarkan Indeks Keamanan Global 2012, konflik antara kaum di Malaysia berada pada tahap yang minima, yakni Malaysia berada di tangga ke-20 negara paling aman dunia dan ke-4 Asia. Sememangnya, sejak negara menikmati arus kemerdekaan, perpaduan etnik memainkan peranan penting sebagai tulang belakang dalam mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan hidup. Dalam hal ini, kepentingan perpaduan kaum turut disokong oleh kata Perdana Menteri ke-6 Yang Berhormat Dato’ Sri Najib Tun Abdul Razak, iaitu hubungan yang baik lagi erat serta rencaman sesama kaum merupakan penawar yang paling mujarab bagi menyemarakkan keakraban kaum bak kata pepatah “bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat”.

Namun, walaupun kita memahami betapa pentingnya perpaduan kepelbagaian etnik, di sebalik hidup bersatu padu dan aman damai ini masih berlakunya isu perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, perpaduan di Malaysia didapati agak rapuh sejak akhir-akhir ini. Untuk mengelakkan pengulangan sejarah titik hitam seperti tragedi Peristiwa 13 Mei 1969, iaitu insiden rusuhan kaum yang merupakan kemuncak masalah perpaduan kaum di Malaysia sehingga berlakunya meragut nyawa dan harta benda antara pelbagai kaum, kita semestinya menghalusi isu perpaduan yang wujud pada masa ini. Persoalannya, apakah faktor berlakunya perpecahan antara kepelbagaian etnik serta langkah yang boleh dilakukan untuk menyatukan perpaduan antara pelbagai etnik dalam konteks politik, ekonomi dan sosial.

2.0 FAKTOR BERLAKUNYA PERPECAHAN ANTARA KEPELBAGAIAN ETNIK

2.1 FAKTOR POLITIK

2.1.1 SIKAP AHLI POLITIK

Proses pemerintahan dan pembangunan negara yang dibantu oleh lembaga politik sudah bertapak lama di Malaysia iaitu dianggarkan hampir 69 tahun. Tambahan pula, pada awal pembentukan parti politik di Tanah Melayu adalah berteraskan semangat nasionalisme dan dibina atas kesepaduan kepelbagaian kaum malahan sehingga sekarang politik di Malaysia masih bergiat aktif dan memainkan peranan yang penting. Berdasarkan Kamus Sosiologi iaitu hasil penulisan Agung Tri Haryanta dan Eko Sujatmiko (2018), menjelaskan gabungan politik umpama lembaga sosial yang mewakili suara rakyat dalam melaksanakan kuasa pentadbiran dan menjadi agen penyatuan bangsa demi mencapai kepentingan bersama anggota masyarakat. Namun demikian, sebaliknya berlaku pada era pasca kemerdekaan ini apabila politik tersebut menjadi batu api disebalik isu perpecahan hubungan etnik yang kian hangat diperdebatkan. Situasi ini berlaku adalah berpunca daripada sikap ahli politik yang tidak mempunyai kredibiliti dan menurut Hasnah Hussiin (2009), kewujudan golongan ini turut dikenali sebagai “pengusaha politik” yang gemar memanipulasikan sentimen perkauman yang mengakibatkan ketegangan antara etnik. Kenyataan ini turut disokong oleh penganalisis politik iaitu Prof Datuk Mohammad Agus Yusoff (2016), yang menjelaskan punca ketegangan hubungan etnik di Malaysia adalah disebabkan perbalahan pemimpin politik dan kegagalan menunjukkan perilaku yang mulia. Misalnya, berdasarkan sebuah laporan polis pada September 2014 mengesahkan seorang ahli politik Sabah didakwa kerana telah menghina agama Islam dan Nabi Muhammad di ruangan media sosial

Facebook. Di samping itu, berita yang disiarkan oleh Astro Awani pada Februari 2018 melaporkan Presiden Parti Warisan Sabah beserta dengan barisan kepimpinannya yang dengan sengaja telah menghina keturunan para pemimpin parti politik lain sebagai modal untuk meraih undian. Justeru, tindakan segelintir ahli politik yang tidak bertanggungjawab ini telah menyemarakkan api perkauman lalu mencetuskan rasa ketidakpuasan hati apabila etnik sendiri dihina dan berlakunya perselisihan faham dalam kalangan rakyat multi etnik bak kata pepatah “kerana nila setitik rosak susu sebelanga”. Sehubungan itu, Datuk Dr Hussamudin Yaacob yang merupakan penerbit akhbar Sinar Harian memberi peringatan kepada kepimpinan politik agar mengawal perilaku dan tidak menyentuh isu-isu sensitif kerana beliau menyifatkan kondisi hubungan etnik sudah semakin parah sejak saban hari ini. Konklusinya, berdasarkan hasil dapatan kajian dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menghuraikan aspek politik mendominasi punca yang paling ketara dalam keretakan hubungan etnik di Malaysia kerana imej perpaduan adalah bermula dari kepimpinan politik terlebih dahulu.

2.1.2 POLITIK PERKAUMAN

Seterusnya, amalan politik perkauman turut mendorong kepada perpecahan hubungan antara kepelbagaian etnik di Malaysia terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan kefahaman budaya, adat, bahasa dan nilai nilai bersama. Politik perkauman merujuk kepada sesebuah parti politik yang dimonopoli atau diterajui oleh kaum tertentu bertujuan menjaga kepentingan kaum masing-masing sehingga rakyat sukar membuka peluang atau mempercayai kepada pimpinan politik dari kaum lain dan menjadikan sikap perkauman semakin menebal. Tambahan pula, Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong

yang merupakan Felo Utama Institusi Kajian Etnik dari Universiti Kebangsaan Malaysia menegaskan bahawa sentimen polarisasi perkauman yang berlebihan dalam politik perlu dihentikan segera kerana ia boleh mengancam keharmonian hubungan etnik di negara ini apabila timbulnya perselisihan faham. Hal ini demikian kerana, kerangka politik di Malaysia masih bersifat perkauman dan dapat dibuktikan menerusi pembentukan parti UMNO, MCA dan MIC yang khusus untuk diterajui mengikut tokoh etnik masing-masing. Di samping itu, menerusi keratan akhbar Utara News memaparkan presiden MCA iaitu Datuk Seri Liow Tiong Lai telah mengeluarkan sebuah kenyataan bahawa parti politik BERSATU hanya memberi keutamaan kepada Bumiputera dan pribumi manakala kaum lain hanya dibenarkan menjadi ahli bersekutu sahaja. Justeru, menurut beliau, tindakan seumpama ini mendorong kepada kegagalan pembentukan hubungan etnik yang harmoni dan pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Meskipun, Malaysia sudah mencapai kemerdekaan hampir 63 tahun dan sistem politik juga telah melalui fasa pembaharuan kepada modenisasi politik iaitu amalan sistem demokrasi berparlimen yang menyatupadukan namun elemen politik perkauman masih wujud menerusi pembentukan parti pembangkang yang telah mempengaruhi kaum masing-masing dan menyebabkan perpisahan hubungan antara etnik (Hasnah Hussiin, 2009). Jelaslah sekiranya Malaysia masih mengekalkan nilai induk dan rukun teras yang berbeza dalam kepimpinan politik, maka tidak hairan sekiranya peristiwa sekitar tahun 1950an terus menghantui keharmonian hubungan etnik. Hal ini kerana berdasarkan buku “Peradaban dan Perkauman di Malaysia: Hubungan Etnik Melayu Cina” terbitan Universiti Malaya menjelaskan kembali tentang hubungan yang keruh antara etnik Melayu dan Cina di Tanah Melayu sehingga

melibatkan ancaman dan provokasi antara satu sama lain berpunca daripada ketegangan hubungan yang tercetus antara tampuk pimpinan UMNO dan MCA ketika masing-masing bersikap pragmatis dan berpegang teguh dalam memperjuangkan fahaman, ideologi serta hak keistimewaan tertentu.

2.2 FAKTOR EKONOMI

2.2.1 DOMINASI SEKTOR EKONOMI MENYEBABKAN KETIDAKSEIMBANGAN

PENDAPATAN

Faktor berlakunya perpecahan antara kepelbagaian etnik dari aspek ekonomi iaitu dominasi sektor ekonomi telah menyebabkan jurang yang luas dari segi penguasaan ekonomi serta berlakunya ketidakseimbangan pendapatan antara pelbagai etnik. Dominasi sektor ekonomi masih berlaku sejak zaman penjajahan British sehingga sekarang. Perkara ini telah menyebabkan etnik lain yang ingin menceburi dalam bidang tertentu disekat atau dihalang. Hal ini kerana etnik yang masih mendominasi bidang tertentu masih mengekalkan kuasa serta hak dominasi mereka. Sebagai tamsil bagi bidang perniagaan, etnik Cina masih mendominasinya sejak dulu lagi sehingga sekarang. Walaupun kerajaan sentiasa menggalakkan mereka untuk menceburi dalam bidang lain seperti menjadi seorang polis atau askar namun ia masih kurang mendapat sambutan. Ini telah dibuktikan dengan menurut Dr Ridhuan Tee pada tahun 2009, yang telah menyatakan bahawa etnik Cina berasa bangga dengan tamadun mereka serta lebih suka menceburi dalam bidang perniagaan kerana ia merupakan darah daging mereka dan tradisi mereka sejak nenek moyang mereka. Seterusnya, isu ketidakseimbangan agihan pendapatan juga bukanlah sesuatu yang baru dan ia telah dibincangkan sejak 2000 tahun lalu. Hal ini kerana ketidakseimbangan inilah yang akan

menyebabkan berlakunya perpecahan dan kekacauan sekiranya jurang pendapatan antara golongan miskin dan golongan kaya menjadi semakin lebar. Perkara ini dapat disokong iaitu menurut Chua, 2003 telah menyatakan agihan pendapatan yang tidak adil dan seimbang akan menimbulkan konflik, perpecahan, kekacauan serta huru-hara antara etnik. Perkara ini juga dapat disokong oleh satu kajian yang dilakukan oleh Muhammed A.K. pada tahun 2012 yang mendapati jurang agihan pendapatan antara etnik semakin melebar antara tahun 2009 hingga tahun 2012. Situasi ini amatlah menyerupai dengan situasi pada tahun 1969 hingga tahun 1970 di mana ketidaksetaraan pendapatan berlaku antara kepelbagaian etnik. Perkara ini akan mencetuskan kemarahan, perasaan iri hati, ketidakpuasan serta prasangka sesama etnik. Jadi secara tidak langsung, konflik atau pergaduhan antara etnik yang berlaku secara berterusan akan menyebabkan perpecahan berlaku sesama mereka.

2.2.2 PERBEZAAN PEKERJAAN

Faktor seterusnya berlaku perpecahan antara kepelbagaian etnik adalah disebabkan perbezaan pekerjaan dalam kalangan mereka. Perbezaan pekerjaan telah berlaku sejak pemerintahan British melalui satu dasar yang dikenali sebagai Dasar Pecah dan Perintah. Dalam dasar ini, kebanyakan sektor perniagaan didominasi oleh etnik Cina, etnik Melayu melakukan aktiviti pertanian dan ditempatkan di kawasan luar bandar iaitu di kampung dan sesetengah etnik India tinggal di ladang getah untuk menyara hidup mereka. Disebabkan dasar ini, telah menyebabkan berlakunya perpecahan yang ketara antara etnik serta berlakunya diskriminasi. Ini dapat dibuktikan iaitu menurut pakar sejarah, Datuk Dr. Ramlah Adam mengatakan bahawa pemerintahan British telah menyebabkan negara terbina dalam keadaan berpecah-pecah. Namun perkara ini

masih berlaku sehingga kini walaupun kerajaan masih berusaha untuk menyelesaikan masalah ini. Hal ini kerana masih ada etnik yang bersikap diskriminasi sesama mereka. Sebagai contoh berdasarkan temu bual Menteri di Jabatan Perdana Menteri P Waytha Moorthy dengan pemberita Malaysiakini pada tahun 2019, telah menyatakan bahawa satu tinjauan yang dilakukan oleh pusat penyelidikan swasta telah mendapati bahawa etnik Melayu dan etnik India lebih cenderung untuk menjadi mangsa diskriminasi ketika memohon pekerjaan dalam sektor swasta khususnya wanita. Tinjauan ini mendapati pemohon etnik lain menghadapi banyak dugaan dan halangan semasa dipanggil temu duga berbanding pemohon etnik Cina yang boleh berbahasa mandarin. Perkara ini menyerupai dengan sejarah semasa pemerintahan British di mana setiap etnik akan menceburi dalam bidang tertentu. Perbezaan inilah yang akan menghalang interaksi yang lebih erat sesama etnik kerana masa mereka banyak diluangkan di tempat kerja. Jadi, mereka kurang bersosial dengan etnik yang lain. Tamsilnya, sekiranya tempat kerja mereka hanya terdiri daripada etnik yang sama maka interaksi hanya berlaku dalam lingkungan tersebut sahaja. Secara tidak langsung, perasaan prasangka atau curiga akan wujud dan semangat kesatuan antara pelbagai etnik menjadi semakin menebal.

2.3 FAKTOR SOSIAL

2.3.1 SISTEM PERSEKOLAHAN YANG BERASINGAN

Antara faktor sosial yang menyebabkan berlakunya perpecahan antara pelbagai etnik di Malaysia ialah sistem persekolahan yang berasingan. Menurut Lee Lam Thye (2013), sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam menyemai benih perpaduan terutamanya dalam kalangan generasi kanak-kanak di peringkat sekolah.

Pernyataan ini juga disokong oleh Yusfarina dan Abdul Rasid (2011), dalam menjamin pembentukan negara bangsa yang ideal, nilai-nilai integrasi dan perpaduan haruslah disemai dari peringkat sekolah lagi. Namun begitu, sistem persekolahan di Malaysia mengamalkan dan mengekalkan sistem vernakular sehingga kini pada peringkat sekolah rendah iaitu satu sistem persekolahan dipisahkan mengikut aliran kaum dan bahasa ibunda.

Sistem persekolahan vernakular diamalkan di Malaysia sejak penjajahan British di Tanah Melayu. British mengamalkan sistem persekolahan vernakular bertujuan untuk memisahkan pergaulan antara kaum Melayu, Cina dan India serta menghalang pembentukan perpaduan antara kaum. Kini, di bawah sistem vernakular terdapat tiga aliran persekolahan iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Hal ini bermakna murid kaum Melayu menuntut di SK dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, murid kaum Cina menuntut di SJKC dengan menggunakan Bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar manakala murid kaum India menuntut di SJKT dengan menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Penggunaan bahasa ibunda masing-masing di sekolah sebagai bahasa perantaraan telah menjadi penghalang utama dan menyukarkan pengintergrasian kaum untuk membentuk identiti nasional (Syakila Yacob, 2006). Hal ini menyebabkan interaksi murid-murid hanya terhad di antara etnik yang sama sahaja oleh sebab mereka tidak selesa bergaul dengan rakan berlainan kaum. Keadaan ini cenderung menyebabkan mereka untuk berkawan dan bergaul dengan individu yang sama etnik dan guna bahasa ibunda yang sama dengannya pada masa hadapan. Pernyataan ini disokong oleh Aboud,

Mendelson dan Purdy (2003) yang mendakwa bahawa hubungan persahabatan dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh persamaan kaum.

Walaupun kebanyakan semua aliran sekolah vernakular selepas menamatkan pelajaran sekolah rendah akan berlanjutan dan bercantum bersama antara satu sama lain di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan seterusnya menuntut di Institusi Pengajian Tinggi. Namun, keterasingan di peringkat sekolah rendah menyebabkan kerengangan antara etnik di sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi. Menurut Zulkifli Hamid (2011) menyatakan bahawa faktor bahasa menjadi penghalang ke arah perpaduan pelajar yang berbilang kaum di sekolah. Hal ini demikian kerana pendidikan awal yang diterima oleh murid kaum Cina dan India di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) menyebabkan mereka tidak fasih dan tidak dapat berkomunikasi dengan baik apabila bercantum di sekolah menengah. Mereka boleh dikatakan sebagai bergaul tetapi tidak bercantum antara satu sama lain.

Selain itu, terdapat juga bukti atau contoh negara iaitu Singapura yang mencapai kejayaan dalam sistem pendidikan dan kesepaduan nasionalnya selepas melaksanakan penghapusan sistem persekolahan vernakular. Negara jiran kita, Singapura juga pernah mengamalkan sistem persekolahan vernakular semasa penjajahan British. Namun begitu, selepas negara Singapura mencapai kemerdekaan daripada Malaysia, kerajaan Singapura telah memansuhkan sekolah vernakular pada tahun 1967 oleh Lee Kuan Yew. Kemudian, beliau menggantikan sekolah vernakular dengan sekolah satu aliran persekolahan yang menyediakan pelbagai bahasa. Beliau tidak menghapuskan bahasa ibunda kaum Cina dan India dalam aliran sekolah baharu sebaliknya beliau mewujudkan satu aliran sekolah yang menggunakan empat bahasa

secara bersama iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Bahasa Inggeris sebagai bahasa penganter dan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sebagai bahasa mata pelajaran. Sejak disatukan semua sekolah Singapura menjadi satu aliran sekolah lebih 50 tahun lalu, kini pelajar pelbagai etnik di Singapura khususnya Melayu, Cina dan India belajar bersama.

Hasilnya sistem pendidikan Singapura menduduki tempat ke-15 dengan sistem pendidikan terbaik di dunia tahun 2020 menurut CEOWORLD Magazine daripada 93 buah negara dan jauh meninggalkan Malaysia yang menduduki tempat ke-63. Selain itu, negara Singapura menduduki tempat ke-7 negara paling aman di dunia berdasarkan Indeks Keamanan Global (GPI) daripada 163 buah negara tahun 2019 manakala Malaysia berada di tangga ke-16. Jadi, merujuk kepada negara Singapura didapati bahawa penghapusan sekolah vernakular akan membawa banyak manfaat daripada pengekalan sekolah vernakular dalam jangka masa panjang terutama dalam aspek perpaduan pelbagai etnik dan juga sistem pendidikan. Kesimpulannya, tidak dinafikan bahawa teras perpaduan yang ingin dibina melalui sistem pendidikan tergugat apabila sistem persekolahan vernakular diteruskan kerana sekolah merupakan tempat asas permulaan membina hubungan baik sesama generasi muda berbilang kaum iaitu waris pemimpin negara kelak.

2.3.2 PERBEZAAN DALAM UNSUR KEBUDAYAAN

Selain itu, perbezaan dalam unsur kebudayaan juga merupakan salah satu faktor sosial berlakunya perpecahan antara kepelbagaian etnik di Malaysia. Masyarakat Malaysia bersifat multietnik yang lahir daripada kepelbagaian dan perbezaan budaya. Perbezaan ini boleh dicirikan oleh unsur agama, etnik, bahasa, adat resam, cara hidup

dan sebagainya (Shamsul Amri Baharuddin, 2012). Kepelbagaian unsur budaya daripada pelbagai etnik di Malaysia telah membentuk keunikan masyarakat di samping menonjolkan Malaysia sebagai masyarakat majmuk di mata dunia (Hazri Jamil, 2002). Namun begitu, keunikan Malaysia ini juga merupakan kelemahan atau halangan untuk membentuk kesepaduan nasional antara pelbagai etnik kerana konflik antara kaum sering berlaku.

Sejarah telah membuktikan terdapat beberapa konflik antara etnik telah berlaku di Malaysia antaranya, Peristiwa 13 Mei 1969 (Parker, 1979) akibat daripada sikap tidak puas hati dari sudut agihan kekayaan negara. Peristiwa Kampung Medan pada 8 Mac 2001 (Muhamad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hasan, 2005) akibat sikap tidak boleh bertolak ansur apabila berlaku pertembungan kepentingan antara dua pihak yang melibatkan hal ehwal agama yang memberi kesan yang agak kritikal (Utusan Malaysia, 26 November 2006) dan keadaan ini menyebabkan hubungan tegang berlaku antara kaum India dan Melayu (Malaysiakini, 29 Januari 2008). Peristiwa Kampung Rawa pada 1998 (Muhamad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hasan, 2005) diakibatkan oleh sikap tidak menghormati amalan agama etnik lain dan sebagainya.

Konflik antara etnik sering berlaku kerana kekurangan kefahaman dan pergaulan mengenai budaya setiap kumpulan etnik. Tambahan pula, kekurangan penghayatan tentang isu sensitiviti bagi setiap kaum menyebabkan mereka lebih selesa untuk berada dalam kelompok etnik masing-masing ekoran daripada persamaan sosio-budaya yang memudahkan urusan penjagaan sensitiviti kaum. Sebagai contohnya, perbezaan budaya dari segi bahasa mewujudkan satu jarak sosial antara kaum. Oleh sebab ketidakfasihan Bahasa Melayu atau bahasa ibunda kaum lain menyebabkan

masyarakat lebih suka dan selesa bergaul dengan dengan kaum yang sama dengan mereka. Keadaan ini telah menunjukkan satu jurang yang jauh wujud dalam interaksi kaum di Malaysia dan menyukarkan proses penyatupaduan semua etnik menjadi satu bangsa nasional Malaysia.

Selain itu, perbezaan budaya antara pelbagai etnik menyebabkan mereka cenderung menonjolkan kehebatan budaya kaum masing-masing. Hal ini telah menyebabkan timbulnya sikap etnosentrik pada seseorang individu yang bersifat perkauman (Fatimi, Zulkanain dan Arbaiyah, 2016). Individu sebegini akan melihat budaya sendiri lebih baik dan tinggi berbanding budaya kaum lain. Hal ini menyebabkan mereka lebih mengutamakan anggota daripada kumpulan etnik yang sama dalam memilih sahabat, mencari teman hidup, menyokong ahli politik dan lain-lain. Natijahnya akan mewujudkan polarisasi antara etnik. Menurut Lee Lam Thye (2017), sifat perkauman atau apa jua bentuk polarisasi merupakan penghalang terbesar dalam usaha pembentukan perpaduan nasional. Jadi, sekiranya masyarakat tidak menerima dan menghormati budaya kaum lain, maka kesepaduan nasional sangat sukar dicapai dan semakin mengekang kekuatan perpaduan masyarakat.

3.0 LANGKAH MENYATUKAN PERPADUAN ANTARA PELBAGAI ETNIK.

3.1 POLITIK

Malaysia adalah sebuah kerajaan yang mengamalkan demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan Persekutuan telah digubal dengan mengadakan syarat-syarat sedemikian untuk membolehkan pelaksanaan sistem ini. Salah satu kriteria sistem Demokrasi Berparlimen adalah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian di dalam pemerintahan iaitu Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif (pentadbiran). Faktor pengamalan demokrasi berparlimen ini adalah galakan British semasa memberi kemerdekaan. Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan bangsa. Dalam kerajaan demokrasi berparlimen Malaysia, rakyat akan memilih pemerintahan negara melalui pilihan raya yang diadakan lima tahun sekali dengan parti politik yang memenangi majoriti kerusi dalam pilihan raya akan menjadi pemerintah negara. Menurut Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Ahmad Mazlan Zulkifly (2006), satu cara untuk mewujudkan perpaduan politik negara adalah menerusi consensus atau persetujuan. Ini bermakna kerajaan yang memerintah akan diberi kuasa memerintah atas pilihan dan persetujuan rakyat melalui pilihan raya. Melalui pilihan raya ini, rakyat yang pelbagai kaum ini akan bersatu dan bekerjasama dalam memilih pemimpin yang berwibawa. Selain itu, penggabungan parti politik yang diwakili pelbagai kaum disetiap parti dapat menimbulkan semangat perpaduan politik dibawah ideologi yang sama serta dapat menggalakkan interaksi, kerjasama dan saling bertolak ansur antara satu sama lain. Jelaslah, melalui demokrasi berparlimen ini, semangat perpaduan dapat dipupuk dan disemai di kalangan rakyat-rakyat Malaysia.

Perlembagaan Malaysia adalah sumber undang-undang tertinggi jadi panduan kepada pemerintah, beri perlindungan dan jaminan kepada rakyat. Perlembagaan Malaysia adalah dokumen rasmi yang mengandungi segala peraturan yang menjadi panduan kepada kerajaan untuk mentadbir negara dan melaksanakan kuasa. Melalui perlembagaan Malaysia, persetujuan termaktub dalam bentuk lambang-lambang negara, hak setiap kaum, kuasa kerajaan negeri dan persekutuan. Ia sebagai wahana bagi segala pemupukan identiti nasional,perpaduan antara kaum dan keturunan serta integrasi antara wilayah. Kehidupan pelbagai etnik ini harus mengikuti perlembagaan yang telah termaktub dan melalui perlembagaan ini juga, pelbagai kaum, agama dan bangsa mendapatkan hak yang sama. Perlembagaan Malaysia penting bagi rakyat pelbagai etnik untuk menuruti segala isi kandungannya. Dengan ini, rakyat akan bersama-sama menjaga kedaulatan dan keharmonian negara. Dalam perlembagaan juga, termaktubnya hak sama rata iaitu semua warganegara adalah sama rata di sisi undang-undang dan mereka berhak untuk mendapatkan perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Seseorang warganegara tidak boleh didiskriminasikan daripada aspek agama, kaum, keturunan atau tempat lahir. Dengan ini, jelas menunjukkan dengan kewujudan perlembagaan Malaysia ini, negara yang pelbagai kaum ini pastinya akan mendapatkan hak yang sama rata dan keadilan. Keadilan ini akan mengharmonikan sesebuah negara yang memiliki pelbagai kaum, agama dan bangsa. Apabila kesedaran wujud, bangsa Malaysia semakin mantap dan semangat perkauman menjadi cair, dengan sendirinya pertubuhan kebangsaan yang mempunyai keahlian merentasi kaum akan muncul. Oleh itu, dengan adanya perlembagaan Malaysia ini,

semangat perpaduan antara etnik dapat dipupuk kerana setiap bangsa mempunyai hak yang sama.

3.2 EKONOMI

Perpaduan juga dapat dipupuk melalui ekonomi sesebuah negara, antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan dari segi ekonomi adalah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Proses ini telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. DEB mempunyai dua matlamat yang utama iaitu pengambilan pekerja-pekerja di pelbagai sektor ekonomi dan di semua peringkat pekerjaan serta hak milik harta-harta produktif yang terdapat di dalam negara ini disusun semula supaya orang Melayu dapat memiliki sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah hak milik tersebut. Melalui DEB, peluang pekerjaan yang luas diwujudkan dan pendapat rakyat di seimbangkan untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara etnik-etnik dan Kawasan bandar dengan luar bandar. Strategi penyusunan semula masyarakat diharapkan dapat menghapuskan pengenalan kaum berdasarkan kepada kegiatan ekonomi dan tempat tinggal. Tujuan penyusunan semula guna tenaga dilakukan adalah untuk memperlihatkan bahawa penduduk Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum. Penstrukturan ini juga dapat memberi peluang kepada semua kaum untuk menikmati kekayaan negara dan mewujudkan keharmonian di kalangan semua kaum di Malaysia. Dalam mencapai matlamat penyusunan semula Dasar Ekonomi Baru, strategi berikut telah disusun. Meningkatkan daya pengeluaran dan taraf kehidupan golongan miskin melalui proses memodenkan kawasan luar bandar, mengurangkan keadaan yang tidak seimbang dalam struktur guna tenaga yang terdapat sekarang ini dengan cara yang progresif dan menerusi pertumbuhan ekonomi

seluruhnya supaya pada tahun 1990 kedudukan tenaga buruh mencerminkan bilangan kaum, menambahkan dengan lebih cepat lagi bahagian rakyat Malaysia dalam pemilikan modal dalam stok syarikat dan pertumbuhan ekonomi, membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan orang Melayu dan kaum Bumiputera supaya dapat membentuk dan memiliki 30% ekonomi dalam tahun 1990 dan menubuhkan beberapa agensi seperti MARA, Bank Pembangunan, Bank Bumiputera, Amanah Saham Nasional dan memajukan negeri dan kawasan yang dianggap mundur melalui pembangunan wilayah baru seperti DARA, KESEDAR, KEJORA dan sebagainya. Dasar Ekonomi Baru yang bermatlamatkan perpaduan negara melalui proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat didalam konteks keselamatan negara yang kukuh. Segala program pembangunan negara dan Dasar kerajaan semasa yang diperkenalkan adalah dirancang dan dilaksanakan untuk mencapai tujuan-tujuan di atas. Usaha ini memerlukan bukan sahaja usaha yang gigih dari kerajaan dan kakitangannya, malah ianya memerlukan perubahan sikap, tenaga dan pemikiran rakyat dari sektor swasta.

3.3 SOSIAL

Dari aspek sosial pula, langkah yang boleh dijalankan untuk menyatukan perpaduan antara pelbagai etnik ialah melalui aktiviti kemasyarakatan. Dalam era globalisasi ini, memang tidak dinafikan bahawa kebanyakan orang terlalu sibuk dengan mengejar arus kemodenan dan mementingkan kekayaan sehingga tidak sanggup meluangkan masa untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan. Sungguhpun begitu, kita tidak harus memandang enteng terhadap keberkesanan aktiviti kemasyarakatan dalam memupuk perpaduan. Dalam hal ini, salah satu aktiviti kemasyarakatan yang berkesan ialah

